


BAB EMPAT



BAB EMPAT

FUNGSI TEMBIKAR

4.1 Pengenalan

Dalam masyarakat Iban, fungsi tembikar bukan terhad kepada fungsi penggunaan hariannya sahaja, malah penggunaannya amat meluas yang mencakupi penggunaannya dalam budaya iaitu secara ritual dan hukum adat. Ritual dalam konteks ini ialah yang berkaitan dengan 'petara'. Untuk memohon sesuatu hajat maka upacara tertentu perlu dilakukan bagi tujuan tersebut.

Salah satu daripada peralatan yang digunakan ialah barangan tembikar seperti tempayan dan pinggan mangkuk tembikar. Di sini pengkaji mengajak para pembaca melihat dengan lebih mendalam lagi tentang beberapa upacara ritual berkaitan penggunaan tembikar untuk memujuk dan memohon keizinan daripada 'Petara' seperti 'Pulang Gana' (tuhan bumi), 'Sengalang Burung' (tuhan perang) dan 'Selampandai (tuhan pencipta manusia).

Pada mulanya tembikar hanya digunakan sebagai perkakas kegunaan harian seperti untuk menyimpan padi, beras, air tapai, gula, garam dan sebagainya. Apabila masyarakat Iban menyedari bahawa barangan tembikar itu mempunyai banyak

kegunaannya, maka mereka mula mempelbagaikan fungsinya. Lama-kelamaan barangan tembikar menjadi semakin penting dalam upacara ritual. Ia dipuja dengan mantera dan jampi melalui 'piring' semasa upacara 'Gawai'. dalam perubatan dan dalam kegiatan pertanian.

Manakala dalam fungsi gunaan, ia bukan setakat untuk menyimpan air sahaja, malah barangan tembikar tersebut digunakan untuk menyimpan barang pusaka, barang kemas, pakaian dan wang. Masyarakat Iban mengkategorikan fungsi tembikar kepada dua bahagian yang utama, iaitu fungsi kegunaan harian dan yang kedua ialah fungsi ritual. Fungsi gunaannya boleh dilihat melalui beberapa aspek seperti yang berikut :

4.2 Penggunaan Tembikar Dalam Kehidupan Harian

Sebaik sahaja masyarakat Iban membuat petempatan rumah-rumah panjang di Sarawak mereka sekali gus telah mencipta satu tamadun bangsa yang kekal sehingga sekarang. Daripada hidup secara berkelompok-kelompok, mereka telah menjalani hidup sebagai satu komuniti dan seterusnya sebagai sebuah masyarakat yang dikenali sehingga ke peringkat antarabangsa.

Tradisi gaya hidup masyarakat Iban telah menarik perhatian beberapa orang sarjana Barat. Ini mungkin disebabkan gaya hidup mereka yang amat unik dan sukar didapati di mana-mana masyarakat di dunia. Tradisi hidup mereka amat sederhana

dan perkara yang dipentingkan ialah hidup dengan harmoni dan aman damai dalam satu-satu komuniti tersebut.

Barangan tembikar menjadi satu barangan atau peralatan yang semakin penting semenjak mereka mengenali dan menggunakan barangan tersebut. Ia mempunyai pelbagai fungsi dan pelbagai kegunaan hasil daripada ciptaan mereka sendiri melalui perkembangan dan kemantapan budaya dalam kehidupan harian mereka.

Tembikar memberi banyak manfaat serta keselesaan dalam kehidupan harian mereka. Perkara ini berjaya dibuktikan dengan penggunaan tembikar dalam kehidupan masyarakat tersebut seperti berikut :

4.2.1 Tembikar Sebagai Tempat Atau Alat Untuk Menyimpan Padi.

Padi adalah merupakan makanan ruji bagi masyarakat Iban. Mereka menanam padi setahun sekali. Lazimnya, padi akan dituai pada bulan Januari setiap tahun. Padi yang telah dituai akan dipisahkan daripada tangkainya. Kemudian padi dibersihkan dengan menggunakan nyiru. Ia bertujuan untuk membuang hampas padi. Kemudian padi itu dijemur beberapa hari bergantung kepada jumlah kuantiti padi tersebut. Proses terakhir ialah bahawa padi itu amat penting disimpan di tempat yang selamat sebelum ia digunakan.

Ini disebabkan masyarakat Iban biasanya memperolehi hasil tuaian yang lumayan sehingga 60 buah 'lanji' atau kira-kira 3,000 kilogram dalam satu-satu tuaian pada satu-satu tahun. Tempat utama orang Iban menyimpan padi ialah 'tibang' yang diperbuat daripada kulit kayu yang dikenali sebagai 'Kayu Tekalong' iaitu sejenis pokok kayu yang terdapat di negeri Sarawak.¹¹ Sekiranya 'tibang' itu tidak dapat menampung keperluan mereka, maka pilihan utama adalah untuk menyimpan padi itu di dalam 'tajau' atau dikenali sebagai 'tajau Labang'.

Kaedah ini dianggap paling selamat untuk mengelakkan padi itu daripada dimakan tikus dan ayam. Biasanya, di rumah panjang ayam akan naik ke rumah kalau tiada penghuni di rumah pada hari itu. Ini kerana masyarakat Iban akan keluar ke huma atau ke kebun pada awal pagi dan balik pada sebelah petang. Padi yang diletakkan di dalam tembikar lebih tahan lama, selamat dan tidak mudah rosak atau diganggu oleh sebarang haiwan perosak.

'Tajau' yang penuh berisi dengan padi akan ditutup dengan 'tabak' atau tepak sirih yang diperbuat daripada bahan logam tembaga dan ia diletakkan di ruang dapur. Biasanya ruang dapur orang Iban mempunyai keluasan yang besar. Semua 'tajau' diletakkan di tepi-tepi dinding dan diikat dengan tali supaya ia berada dalam keadaan selamat dan tidak membahayakan ahli keluarga tersebut. Padi hanya akan dikeluarkan daripada 'tajau' apabila ia diperlukan untuk diproses menjadi beras.

¹¹ 'Kayu Tekalong' ialah sejenis kayu yang mudah didapati di dalam hutan di kawasan bukit. Orang Iban menggunakan kulit "Kayu Tekalong" untuk membuat tali, pakaian seperti baju, cawat, topi, terendak dan tikar.

4.2.2 Tembikar Sebagai Tempat Untuk Menyimpan Beras.

Masyarakat Iban sentiasa peka terhadap alam sekelilingnya. Mereka belajar melalui alam dalam menjalani hidup seharian mereka. Contohnya mereka tidak ada mesin untuk memesinkan padi supaya menjadi beras. Apa yang mereka buat ialah mereka membuat satu mesin daripada kayu balak dan mesin itu dikenali sebagai 'kisar'. Fungsinya adalah untuk mengisar atau membuang kulit padi. Kemudian ia menjadi separuh beras dan proses terakhir ialah menumbuk beras tersebut supaya menjadi beras yang sebenar.

Keadaan ini menjadi semakin sukar apabila musim perayaan 'Gawai' hampir tiba. Dalam perayaan 'Gawai', sebuah rumah panjang yang akan meraikan perayaan tersebut akan menjemput lima hingga sepuluh buah rumah panjang yang lain untuk sama-sama meraikan 'Gawai' tersebut. Oleh itu, kaum wanita Iban perlu bekerja keras untuk menghasilkan lebih banyak beras. Proses menghasilkan beras itu adalah sesuatu kerja yang sukar dan mengambil masa yang agak lama kerana ia memerlukan tenaga yang banyak dan orang yang sihat

Kaum wanita Iban sangat kreatif. Beras yang telah dihasilkan selama beberapa minggu itu disimpan di dalam 'Iron' atau dikenali sebagai tempayan kecil. Ini disebabkan beras yang disimpan di dalam 'Iron' sentiasa berada dalam keadaan yang baik, serta tahan lama sehingga dua bulan setengah iaitu tanpa dibubuh dengan apa-apa bahan kimia. Beras tersebut sejuk, bersih dan tidak diserang oleh tikus atau

mana-mana serangga perosak yang lain. Apa yang menarik ialah beras itu sentiasa segar dan kewangiannya tidak mudah hilang.

Inilah satu keistimewaan 'Iron' sebagai tempat menyimpan beras yang unik. Dalam tradisi orang Iban 'Iron' itu ditutup dengan 'tabak' atau 'tutup periuk' iaitu sejenis bekas yang diperbuat daripada tumbuh-tumbuhan. 'Iron' yang telah penuh berisi beras akan diletakkan di sudut dekat dengan dapur bagi memudahkan kerja-kerja kaum wanita. Untuk mengetahui dengan lebih lanjut, sila rujuk di lampiran A, gambar 'Tajau Iron' yang terdapat pada gambar nombor 34.

4.2.3 Tembikar Sebagai Alat Untuk Menyimpan Air.

Air merupakan keperluan asas manusia dan sebanyak 70% komposisi badan manusia terdiri daripada air. Sekiranya badan kita kekurangan air, kita akan jatuh sakit. Tetapi, di rumah-rumah panjang masyarakat Iban tidak ada kemudahan air paip. Mungkin itu salah satu sebab mengapa rumah-rumah panjang tersebut dibina di sepanjang tepi-tepi sungai iaitu bagi memudahkan mereka mengangkut air dari jarak yang lebih dekat. Oleh itu kaum wanita hendaklah mengangkut air tiap-tiap hari dari sungai yang bersih airnya sebagai keperluan harian mereka.

Lazimnya, air yang telah diangkut akan disimpan di dalam 'tajau' besar. Keadaan ini selalunya memerlukan beberapa buah 'tajau' bagi tujuan tersebut. Keadaan cuaca yang tidak menentu sepanjang tahun contohnya musim kemarau yang

berpanjangan dan musim tengkujuh yang tidak mengira waktu. Fenomena-fenomena ini secara tidak langsung memaksa kaum wanita untuk menyimpan lebih banyak air bagi mengelakkan masalah kekurangan air. Satu rasional yang jelas ialah bahawa apabila musim kemarau panjang, banyak haiwan peliharaan yang mati contohnya ayam dan babi. Bangkai-bangkai haiwan itu dibuang ke dalam sungai dan ini menjadikan sungai itu tercemar dengan pelbagai jenis penyakit.

Apabila musim tengkujuh pula, warna air akan bertukar menjadi perang serta berpasir dan keadaan ini memerlukan pihak wanita menyimpan banyak air dan secara tidak langsung setiap keluarga di rumah panjang itu pendek kata, mesti ada mempunyai 'tajau' bagi tujuan tersebut.

Tradisi masyarakat Iban memang suka menggunakan 'tajau' untuk menyimpan air. Air yang disimpan di dalam 'tajau' biasanya dingin dan kedinginan air itu berkekalan hingga beberapa lama. Air yang disimpan di dalam 'tajau' adalah untuk keperluan memasak, minum, membasuh pinggan mangkuk dan sebagainya. 'Tajau' yang berisi air juga diletakkan di tangga hadapan rumah untuk membasuh kaki sesiapa yang hendak naik ke rumah panjang itu.

4.2.4 Tembikar Sebagai Bekas Untuk Menyimpan 'Air Tuak' (Air Tapai).

'Air tuak' adalah sejenis minuman tradisi masyarakat Iban sejak turun-temurun. Ia amat popular di kalangan masyarakat Iban. Rata-rata masyarakat tersebut

mahir membuat 'air tuak'. 'Air tuak' bukan sahaja sebagai satu minuman tradisi, malah ia berperanan penting dalam kepercayaan masyarakat Iban. Contohnya 'air tuak' merupakan air wajib dan ia merupakan air minuman utama yang disediakan dalam upacara 'miring'. Selain daripada itu, 'air tuak' juga mestilah digunakan di dalam upacara 'Gawai' serta upacara ritual yang lain. Air tersebut juga berperanan penting dalam majlis perkahwinan masyarakat Iban.

Air tapai atau 'air tuak' itu diperbuat daripada beras pulut yang dimasak di dalam periuk tembaga atau periuk tembikar atau buluh betong (buluh besar). Kemudian ia dicampur dengan ragi. 'Air tuak' yang sedap dan 'menjadi' hanya 'air tuak' yang disimpan di dalam 'Indai Ranai' (tempayan kecil). Ia hendaklah diperam selama lebih kurang satu minggu. Masyarakat Iban mempercayai hanya 'Indai Ranai' atau mana-mana jenis tempayan yang sesuai sahaja boleh digunakan untuk membuat 'air tuak'. Tempayan tersebut juga dipercayai boleh menghasilkan 'air tuak' dengan banyak serta wangi.

Dipercayai kalau membuat 'air tuak' dengan bekas lain yang bukan jenis tembikar 'air tuak' itu tidak akan menjadi. Ini menunjukkan bahawa betapa penting barangan tembikar dalam masyarakat Iban. Tempayan yang berisi dengan 'air tuak' akan dipasang dengan 'bubu kecil' (bekas berupa penapis) untuk mendapatkan 'air tuak' yang tulen. Sebelum 'air tuak' itu matang, tempayan itu tidak boleh diganggu kerana dikhuatiri 'air tuak' itu tidak menjadi. Tanpa 'air tuak' dalam sesuatu majlis ritual, maka majlis tersebut dianggap tidak lengkap. Untuk mengetahui dengan lebih

lanjut, sila rujuk di lampiran A, gambar 'Tajau Indai Ranai' yang terdapat pada gambar nombor 6.

4.2.5 Tembikar Sebagai Alat Untuk Menyimpan Pekasam.

Menurut informan Manin Anak Matong (73), pekasam adalah merupakan sejenis makanan tradisi masyarakat Iban. Ada beberapa jenis pekasam tetapi yang paling popular ialah pekasam ikan dan pekasam babi. Menurut tradisi mereka, berburu salah satu aktiviti rutin yang telah sebatian dengan hidup mereka. Semasa pergi memburu, biasanya mereka akan mendapat binatang-binatang seperti rusa, landak, kijang dan babi hutan. Satu-satu keluarga selalunya mendapat bahagian yang banyak sehingga sepuluh kilogram contohnya babi hutan.

Salah satu cara untuk menyimpan daging tersebut ialah ia dijadikan pekasam dan pekasam itu hendaklah disimpan di dalam 'benda' (sejenis balang tembikar mempunyai mulut yang agak luas). Tujuannya supaya pekasam itu lebih tahan lama sehingga satu tahun dan juga biasanya pekasam yang disimpan di dalam balang lebih sedap.

Lazimnya, selepas kerja-kerja penuaian padi masyarakat Iban akan menjalankan aktiviti tradisi mereka iaitu menuba ikan di sungai-sungai pada musim kemarau panjang. Seluruh anggota keluarga di rumah panjang itu adalah terlibat

dengan kerja-kerja menuba ini. Mereka menuba dengan menggunakan sejenis tuba akar kayu. Selalunya mereka mendapat ikan dengan jumlah yang banyak.

Ikan-ikan itu dibuat pekasam iaitu dicampur dengan daun kepayang muda yang telah dihiris halus-halus. Pekasam itu dikatakan sangat sedap apabila ia disimpan di dalam balang tembikar. Dikatakan bahawa apabila sesuatu jenis makanan disimpan di tempat lain selain daripada balang tembikar, ia tidak berapa sedap dan jarang-jarang 'menjadi'. Pekasam ini menjadi makanan penting apabila musim 'menugal padi' (menanam padi bukit). Ini merupakan salah satu sebab mengapa barangan tembikar amat penting dalam budaya masyarakat Iban.

4.2.6 Tembikar Sebagai Tempat Untuk Menyimpan Tempoyak

Di sekeliling rumah-rumah panjang masyarakat Iban biasanya ditanam dengan pelbagai pokok buah-buahan seperti manggis, langsung, rambai dan raja kepada segala buah iaitu durian. Apabila musim durian tiba, sesebuah rumah panjang itu mendapat buah durian dengan jumlah yang banyak sehingga tidak termakan.

Durian yang banyak itu, selalunya mereka buat tempoyak. Tempoyak-tempoyak itu biasanya disimpan di dalam tempayan kecil. Ini amat penting supaya tempoyak itu lebih tahan lama sehingga dikatakan ia tahan selama tiga tahun dan tempoyak yang disimpan di dalam tempayan itu menjadi lebih sedap dan bau asalnya masih dapat dikekalkan.

Masyarakat Iban jarang-jarang menggunakan bekas lain untuk menyimpan tempoyak kerana dikhuatiri ia akan cepat rosak dan tidak sedap dimakan. Tempayan tempoyak ini biasanya ditutup dengan kain dan plastik supaya tidak dimasuki 'kebari' (sejenis serangga kecil). Serangga ini boleh menyebabkan tempoyak itu cepat rosak. Bahagian permukaan tempayan itu hendaklah diletakkan dengan sedikit gula supaya bahagian permukaan tempoyak itu tidak rosak.

4.2.7 Tembikar Sebagai Peralatan Pinggan Mangkuk Dan Periuk Belanga

Pinggan mangkuk merupakan satu keperluan yang amat penting dalam kehidupan manusia sejagat. Dalam masyarakat Iban, pinggan mangkuk mereka terdiri daripada barangan tembikar biru putih yang mungkin didatangkan khas dari negeri China pada ketika itu. Di rumah-rumah panjang masyarakat Iban tidak sah kalau tidak ada peralatan pinggan mangkuk daripada barangan tembikar tersebut.

Bukan setakat itu sahaja, malah sudu pun mereka menggunakan barangan tembikar. Ini disebabkan bagi memudahkan kerja-kerja mencucinya. Minyak tidak mudah melekat pada peralatan tersebut tambahan pula ia tidak berbau dan tidak seperti sesetengah barangan plastik atau aluminium. Dalam tradisi masyarakat Iban, mereka menyimpan peralatan pinggan mangkuk ini dalam jumlah yang banyak sehingga satu ratus lebih set.

Manakala kendi pula untuk menyimpan air minuman. Air dalam kendi ini sentiasa dingin dan sedap diminum. Selain daripada itu, kendi juga digunakan untuk menyimpan air arak dan air tapai khasnya pada musim perayaan.

Masyarakat Iban juga menggunakan periuk belanga daripada barangan tembikar. Dipercayai nasi dan lauk-pauk yang dimasak dalam periuk belanga tersebut lebih sedap dan lebih aromanya. Ia juga tidak mudah basi dan hangus. Biasanya belanga yang bertutup digunakan untuk memasak nasi dan diletakkan di atas dapur kayu.

4.2.8 Tembikar Sebagai Tempat Untuk Menyimpan Garam

Rumah-rumah panjang masyarakat Iban biasanya jauh dari bandar dan untuk pergi ke bandar terpaksa mengambil masa yang lama dan bajet yang banyak diperlukan. Sekali pergi berbelanja terpaksa membeli banyak barang keperluan dapur contohnya seperti garam. Mereka menggunakan geluk bertutup untuk menyimpan garam. Garam yang disimpan di dalam geluk tidak mudah cair kerana geluk bertutup itu kedap udara.

4.2.9 Tembikar Sebagai Tempat Untuk Menyimpan Minyak Masak

Masyarakat Iban memilih bekas seramik untuk menyimpan minyak masak di rumah-rumah panjang mereka. Pertama, bekas seramik itu berat, walaupun ditiup

angin ia tidak mudah tumpah dan amat senang untuk digunakan. Kedua, ia tidak dimasuki oleh mana-mana serangga yang terdapat di persekitaran kita. Cara ini juga dapat menjamin kebersihan minyak yang disimpan di dalam bekas seramik itu. Tambahan pula amat sukar untuk mendapatkan bekas-bekas yang berjenama kerana ia amat mahal dan tidak mampu untuk dimiliki oleh semua golongan masyarakat.

4.2.10 Tembikar Sebagai Tempat Untuk Menyimpan Gula

Gula boleh dikatakan sebagai makanan penting bagi semua golongan manusia di muka bumi ini. Bak kata peribahasa orang Melayu “Di mana ada gula di situlah ada semut”. Untuk kebersihan gula sebagai bahan makanan kita, ia harus disimpan di tempat yang selamat. Oleh itu, masyarakat Iban memilih bekas seramik sebagai tempat menyimpan gula. Salah satu kelebihan ialah bekas seramik ini tidak mudah digigit oleh haiwan perosak seperti tikus. Tambahan pula ia kedap udara dan ini menjadikan gula sentiasa kering di dalam bekas tersebut.

4.2.11 Tembikar Sebagai Tempat Untuk Menyimpan Barang Pusaka dan Barang Kemas

Lazimnya, kaum perempuan menggunakan ‘tajau’ besar untuk menyimpan barang-barang seperti tali pinggang perak, rantai perak, rantai emas, gelang, subang dan manik-manik purba. Apabila mereka terpaksa meninggalkan rumah dan bermalam di ladang berminggu-minggu lamanya, barang berharga itu terpaksa

disembunyikan di atas 'sadau' (tingkat atas rumah panjang) agar barangan itu selamat daripada kecurian.

Satu tradisi masyarakat Iban yang amat dikagumi ialah pintu-pintu di rumah panjang itu tidak dikunci apabila mereka tiada di rumah. Kes kecurian jarang-jarang berlaku dan ini disebabkan mereka saling percaya dan mempercayai antara satu sama lain.

4.2.12 Tembikar Sebagai Tempat Untuk Menyimpan Pakaian

Kaum wanita masyarakat Iban memiliki kepakaran dalam membuat tenunan kain pua kumbu. Mereka menghasilkan pelbagai corak dan motif untuk kegunaan harian dan semasa perayaan 'Gawai'. Antara yang mereka hasilkan ialah kain songket, 'baju kirai',¹² selendang, kain ikat celup dan selimut. Kesemua barangan tersebut disimpan di dalam satu tempayan besar dan ditutup dengan 'tabak' (sejenis talam tembaga).

Pakaian itu tidak mudah rosak, kerana tempayan itu tidak dapat digigit oleh tikus, anai-anai dan serangga perosak yang lain. Tambahan pula, ia tidak mudah dimasuki udara. Maka semua pakaian tersebut berada dalam keadaan yang baik dalam jangka masa berpuluh-puluh tahun.

¹² Dalam konteks masyarakat Iban, 'Baju Kirai' membawa dua pengertian. Pertama, orang Iban menggunakan 'Baju Kirai' yang ditunen oleh wanita Iban semasa upacara 'Gawai' yang diadakan di rumah panjang dan yang kedua, 'Baju Kirai' ialah merupakan benda tangkal yang dipakai di badan mereka sebagai azimat kebal agar seseorang itu dijauhi serta dilindungi daripada bencana.

4.2.13 Tembikar Sebagai Tempat Untuk Menyimpan Wang.

Masyarakat Iban menjalankan ekonomi sara diri seperti bertanam padi, lada, getah, dan memburu binatang di hutan. Pada masa lapang, lazimnya mereka menoreh getah. Hasil wang jualan itu mereka simpan di dalam tempayan. Tempayan itu ditutup dengan 'tabak' dan diletakkan di ruang tamu. Lagi pun wang yang disimpan di dalam tempayan adalah lebih selamat berbanding dengan wang yang disimpan di bawah bantal.

4.2.14 Tembikar Sebagai Tempat Menyimpan Buah Pisang.

Biasanya tandan pisang yang dibawa dari kebun itu belum masak. Untuk menjadikan buah pisang itu cepat masak maka ia hendaklah disimpan di dalam tempayan. Buah pisang yang dieram dalam tempayan menjadi panas, dan lantaran itu ia cepat masak, berkeadaan yang baik dan sedap dimakan.

4.2.15 Tembikar Sebagai Aset Untuk Ditukarkan Dengan Padi

Menurut informan Lata Anak Matong (75), pada awal abad ke-19 Masehi pernah berlaku musim kemarau yang panjang. Kebuluran berlaku di kebanyakan rumah panjang pada ketika itu. Bagi keluarga yang kaya dan memiliki banyak tembikar, mereka menggunakan tempayan-tempayan yang besar sebagai bahan tukaran untuk mendapatkan padi.

Sebuah tempayan yang besar boleh ditukarkan untuk mendapat tiga pasu padi. Manakala tempayan yang sederhana besar boleh ditukarkan dengan dua pasu padi dan tempayan yang kecil pula boleh ditukarkan dengan sebuah pasu padi. Masyarakat Iban menggunakan perahu untuk mudik di sepanjang Sungai Undop, dan tempayan-tempayan itu dimuatkan ke dalam perahu mereka. Urusan tukar-menukar tempayan dengan padi terus berlaku sehingga keadaan cuaca kembali seperti sediakala.

Penggunaan tempayan berdasarkan tipologinya boleh diringkaskan seperti tabel berikut :

| Bil | Jenis Tembikar | Kegunaan |
|------------|-----------------------|---------------------------|
| 1 | Tajau | Menyimpan padi |
| 2 | Tajau | Menyimpan beras |
| 3 | Tajau | Menyimpan air |
| 4 | Tajau/ Jabir | Menyimpan air tapai |
| 5 | Udat/Manduh | Menyimpan pekasam |
| 6 | Udat/Manduh | Menyimpan Tempoyak |
| 7 | Pinggan mangkuk | Perkakas dapur |
| 8 | Kebok | Menyimpan garam |
| 9 | Kebok | Menyimpan minyak masak |
| 10 | Kebok | Menyimpan Gula |
| 11 | Tajau | Menyimpan pusaka/kemas |
| 12 | Tajau | Menyimpan pakaian |
| 13 | Tajau | Menyimpan wang |
| 14 | Tajau | Menyimpan pisang |
| 15 | Tajau | Untuk ditukar dengan padi |

4.3 Fungsi Ritual

Fungsi tembikar secara ritual boleh dilihat melalui komunikasi manusia dengan kuasa luar biasa menerusi upacara 'miring' (offerings) kepada kuasa tersebut. Arahan kuasa luar biasa itu biasanya diperturunkan melalui mimpi.

Jika orang yang telah dianugerahkan dengan mimpi, tetapi arahnya tidak dipatuhi ada tanda-tanda orang tersebut akan menerima malapetaka. Petanda-petanda tersebut mungkin disampaikan secara halus dan tersirat. Contohnya orang itu jatuh sakit atau gila dan seterusnya boleh membawa maut. Oleh sebab itu satu upacara perlu diadakan bagi memujuk dan meredakan kemarahan kuasa luar biasa tersebut. Pertama, pengkaji akan membawa pembaca untuk melihat ritual dari aspek perubatan, kedua ialah ritual 'Gawai' dan yang ketiga ritual mimpi. Ritual perubatan dijalankan melalui kaedah pengubatan seperti berikut :

4.3.1 Pelian Tiang Pencha (Pelian Bebunuh Antu)

Maksud Pelian Tiang Pencha ialah 'manang' (dukun) mengubat pesakit dengan cara membunuh hantu yang melarikan semangat pesakit tersebut. Beberapa peralatan yang diperlukan adalah seperti berikut :

- 1) Tempayan atau 'tajau' atau 'jabir'
- 2) Tiang buluh

3) Buaian

4) Pentik (patung kayu)

Atur cara penguabatan adalah dengan mendirikan tiga batang tiang. Kemudian tempayan diletakkan di tengah dan tiang-tiang itu berperanan sebagai pagar kepada tempayan itu. Tempayan tersebut digunakan oleh 'manang' untuk 'mengurung semangat' Si pesakit supaya semangat itu tidak dapat dilarikan oleh hantu tersebut.

Jika menggunakan tiang pencha tiga batang, ia hendaklah menggunakan tempayan 'Manduh' dan jika tiang pencha lima batang ia hendaklah menggunakan 'udat' atau 'jabir', jika tiang pencha tujuh batang ia menggunakan 'iron' dan jika ia menggunakan sembilan batang tiang pencha, ia hendaklah menggunakan 'tajau' atau tempayan besar. Patung kayu digunakan untuk mengumpun hantu itu.

Upacara penguabatan ini diadakan di halaman rumah pesakit. Dua orang 'manang' digunakan untuk membunuh hantu itu. 'Manang-manang' itu akan bermain dengan buaian. Kemudian mereka pengsan (trance), ini kerana mereka berlawan dengan hantu untuk merampas balik semangat pesakit dan menyimpan semangat itu di dalam 'tajau' supaya semangat itu tidak dapat dilarikan hantu tersebut. Selepas itu pesakit tersebut dapat disembuhkan.

4.3.2 Pelian Kukut Batu

Pengobatan cara ini adalah bagi mengubat orang yang tidak ada selera makan. Orang itu semakin lama semakin kurus. Maka 'pelian' perlu diadakan untuk menyembuhkannya. Ia memerlukan peralatan seperti pinggan tembikar dan sebilah parang.

Pengobatan tersebut diadakan di 'ruai' (verandah rumah) pesakit dan hampan tikarnya tidak boleh menyentuh 'ruai' orang lain. 'Manang' akan meletakkan air dalam pinggan tembikar dan air itu digunakan untuk merawat pesakit.

4.3.3 Pelian Pencha Iring

Semangat pesakit telah sesat ke 'dunia sebayan' (dunia akhirat). Oleh sebab itu semangatnya perlu dikembalikan semula ke dalam badan tuannya. Aturcara perubatan ini memerlukan sebuah tempayan, sebilah parang, sehelai kain ela dan sehelai kain tuala (untuk 'manang' menudung kepalanya), sebuah pinggan tembikar dan sebuah patung kayu.

Pinggan tembikar itu digunakan oleh 'manang' sebagai perisainya semasa sesi perlawanan dengan hantu. 'Manang' mula menyanyikan manteranya, dan kemudian 'Manang' pengsan (trance) untuk menangkap semangat pesakit dan

apabila 'Manang' itu sedar semangat itu disimpannya di dalam tempayan. Semangat tersebut tidak dapat lari lagi dan pesakit itu dapat disembuhkan.

4.3.4 Beterayu

Kaedah perubatan ini adalah untuk merawat kanak-kanak yang sering sakit dan badannya sukar untuk membesar. Beberapa peralatan yang diperlukan seperti sebuah tempayan besar, setandan pinang muda, sebiji kelapa muda, setandan mayang pinang, 'piring' dan kain pua kumbu.

Atur cara pengubatan 'Beterayu' ini bermula pada jam lima petang dan berakhir pada keesokan harinya.¹³ Ia bermula dengan upacara 'miring' (offerings), tetapi sebelum itu tempayan diletakkan di 'ruai' dan dibalut dengan kain pua kumbu. Kemudian buah kelapa muda diletakkan di atas tempayan. Manakala buah pinang muda digantung atas tempayan.

Selepas upacara 'miring' selesai, 'manang' (shaman) mula menyanyikan manteranya iaitu dengan mengelilingi tempayan itu sehingga ke pagi. Sementara kanak-kanak yang sakit itu bersama ibunya duduk di satu tempat khas yang berdinginkan kain pua kumbu. 'Manang' mengelilingi kanak-kanak yang sakit sambil menyanyikan manteranya. Pada awal pagi keesokannya, 'manang' menghempas-hempaskan mayang-pinang di atas kepala kanak-kanak itu. Kemudian

¹³ Pengubatan dengan kaedah 'Beterayu' menyerupai ulik mayang Terengganu. Ia menggunakan mayang pinang agar kanak-kanak yang sakit itu dapat membesar dengan baik.

buah kelapa muda disiram di atas kepala kanak-kanak tersebut yang bertujuan untuk membuang segala penyakit daripada badan kanak-kanak itu.

4.3.5 'Gawai Tajau' Berkaitan Harta Pusaka

Apabila masyarakat Iban membeli 'tajau' baharu, 'tajau' itu tidak boleh dibawa naik ke rumah. Ia hendaklah ditinggalkan di tanah terlebih dahulu dan hanya boleh dibawa naik ke rumah setelah mengadakan satu upacara 'Gawai' yang dinamakan sebagai 'Gawai Tajau'. Masyarakat Iban yang mengamalkan kepercayaan animisme masih mengamalkan istiadat ini. Jika 'tajau' itu tidak disambut dengan upacara 'Gawai', maka 'tajau' itu dipercayai boleh mendatangkan bencana kepada seisi keluarga tersebut.

Dalam upacara 'Gawai Tajau' itu, satu istiadat 'miring' hendaklah diadakan sebagai satu majlis sambutan untuk 'tajau' yang baharu dibeli itu. Kemudian pada sebelah malamnya pula, pesta 'Gawai Tajau' diteruskan dengan para 'lemambang' (pakar penyair Iban) menyanyikan mantera pada sepanjang malam itu. Pada keesokan harinya barulah 'tajau' itu boleh dibawa naik ke rumah dengan selamat.

Masyarakat Iban mempercayai bahawa sesebuah 'tajau' yang baru dibeli itu hendaklah menjalani satu upacara ritual yang dikenali sebagai 'Gawai Tajau'. Mereka percaya dengan berbuat demikian, 'tajau' itu boleh menjadikan sesebuah keluarga itu menjadi kaya raya. Selain daripada itu, dipercayai bahawa 'tajau' itu

boleh mengurniakan kesihatan yang baik kepada pemiliknya bak seperti pepatah dalam masyarakat Iban '*Gayu, Guru, Gerai Nyamai Nguan Menua*' yang bermaksud memiliki kesihatan yang baik, panjang umur dan dimurahkan rezeki sepanjang masa.

4.3.6 'Gawai Tajau' Berkaitan Menanam Padi

Masyarakat Iban percaya bahawa 'tajau' mempunyai semangat dan semangat itu boleh berkomunikasi dengan tuannya. Dalam masyarakat Iban 'tajau' adalah merupakan satu objek yang sakral, kudus, mempunyai roh dan semangat. Ia boleh membantu manusia dalam apa-apa jua bidang khususnya dalam aktiviti pertanian. Oleh sebab itu satu pesta 'Gawai' perlu diadakan dan 'Gawai' ini dinamakan 'Gawai Tajau'.

Tujuan 'Gawai' ini diadakan agar sesebuah keluarga itu memperolehi hasil tuaian padi yang lumayan pada setiap tahun. Lazimnya pada waktu 'Gawai' masyarakat Iban akan menghamparkan tikar rotan di 'ruai' mereka. 'Gawai' tersebut diadakan selama satu malam. Penyair yang pakar dalam masyarakat Iban yang dikenali sebagai 'lemambang' akan menyanyikan mantera sepanjang malam tersebut.

Upacara 'miring' adalah merupakan aturcara pertama dalam pesta 'Gawai' tersebut. Lazimnya, pada setiap kali dalam aturcara itu masyarakat Iban diwajibkan menggunakan ayam atau babi sebagai binatang sembelihan. Ia bertujuan sebagai

tanda 'genselan' (persembahan untuk memujuk semangat tuhan) dalam satu-satu majlis 'miring'.¹⁴

Dalam upacara 'Gawai Tajau' ini, beberapa buah 'tajau' besar diletakkan di 'ruai' (ruang legar) yang dibalut dengan kain pua kumbu. 'Lemambang' akan menyanyikan mantera mengelilingi 'tajau-tajau' itu sepanjang malam tersebut. 'Piring' itu terdiri daripada kuih penganan, air tapai, daun sirih, daun rokok, tembakau, bertih padi, nasi pulut yang dimasak dalam buluh, pinang, nasi biasa, garam dan telur ayam dan kesemua benda ini dipersembahkan kepada 'Petara' pertanian iaitu 'Pulang Gana' (Erik Jensen, 1966 : 7).

Setelah upacara 'miring' selesai, ia disusuli pula dengan aturcara 'ngalu pengabang' iaitu upacara menyambut tetamu yang datang berkunjung ke rumah panjang itu. Ia dilakukan dengan berjalan dalam kumpulan yang ramai bermula dari hilir ke hulu rumah panjang. Beberapa orang wanita akan menaburkan bertih padi di sepanjang 'ruai' dan beberapa wanita yang lain membawa 'piring' untuk dipersembahkan kepada 'Petara' dan ini diikuti oleh anak-anak muda yang bermain alat muzik seperti gendang, gong dan saron.

Rombongan tersebut mengelilingi 'ruai' sebanyak tiga kali. Kemudian barulah mereka mengadakan upacara 'miring' di kaki tangga rumah panjang itu.

¹⁴ 'Genselan' menggunakan darah ayam bagi perkara-perkara yang kecil dan bagi perkara-perkara yang berat ia wajib menggunakan darah babi. Jika gagal berbuat demikian mungkin seseorang itu akan mendapat bencana atau berlaku kematian kerana melakukan sesuatu perkara yang gagal memenuhi syarat dalam kepercayaan mereka.

Tujuan 'miring' kali ini adalah untuk menjemput dan memohon keberkatan daripada kedatangan 'Petara' di majlis itu. 'Piring' itu diletakkan di kaki tangga, dan yang lain digantung di 'ruai'.

Atur cara seterusnya ialah menyambut pakar mantera yang membawa 'piring'. Penyair mantera itu memulakan manteranya dari halaman rumah, kemudian mereka naik ke rumah dan berjalan mengelilingi 'ruai' sebanyak tiga kali dan akhirnya duduk di tepi tiang 'pandong' (tepi 'tajau' yang dibalut dengan kain pua kumbu). 'Piring' yang dibawa oleh 'lemambang' itu diletakkan di atas 'tajau' kemudian ia ditutup dengan kain pua kumbu. Seterusnya 'lemambang' akan 'membiau' (menjampi) piring itu dengan seekor ayam. Selepas aturcara itu selesai, barulah 'lemambang' memulakan lagu manteranya.¹⁵

Pada keesokan harinya, diadakan pula upacara menjemput 'Petara' naik ke rumah dengan menggunakan 'piring'. Tujuannya adalah sebagai tanda penghormatan kepada tuhan mereka. Lazimnya dalam majlis 'miring' ini 'Pinggai Tuai' hendaklah digunakan agar upacara tersebut lebih diberkati oleh tuhan.

Kemudian akhir sekali, penutup 'tajau' (kain pua kumbu) dibuka dan 'tajau-tajau' itu dibawa masuk ke dalam bilik. Masyarakat Iban percaya bahawa sesetengah 'Tajau Lama' (tempayan prasejarah) berhantu iaitu mempunyai kuasa sakti. Kuasa

¹⁵ Orang Iban akan mengadakan pesta 'Gawai' yang berkaitan dengan ritual 'Petara'. Lazimnya dalam upacara 'Gawai' tersebut, ia diketuai oleh 'Lemambang' selaku pakar melagukan mantera dalam hal ehwal ritual tersebut. Selain daripada itu, 'Lemambang' itu juga merupakan pakar rujuk mengenai perkara-perkara seperti aturcara 'miring', aturcara 'Gawai' dan menentukan jenis pengeras yang berkaitan dengan ritual itu.

tersebut boleh membantu dan boleh membawa bencana. Oleh sebab itu ia perlu diberi makan 'piring' supaya keluarga tersebut mendapat kesejahteraan dan dikurniakan dengan kesihatan yang baik. Sekiranya ia tidak diberi makan maka ia akan memakan ahli keluarga itu atau dengan kata lain mungkin ada antara ahli keluarga itu yang akan meninggal dunia.

4.3.7 Gawai Kenyalang

Menurut informan Embia Anak Dabong (93), dalam banyak jenis 'Gawai' masyarakat Iban, 'Gawai Kenyalang' adalah merupakan 'Gawai' yang paling kompleks. Ini kerana 'Gawai' ini memerlukan sebanyak 21 buah 'tajau' dan hanya akan tamat upacaranya setelah berlangsung selama tiga hari dan tiga malam. Tujuan utama 'Gawai Kenyalang' ialah satu pesta khas untuk meraikan kejayaan 'Bujang Berani' atau 'Raja Berani' yang telah memperolehi banyak kepala musuh, para perajurit negara yang telah berjaya menembak musuh, iaitu berkaitan dengan aktiviti pemburuan kepala manusia dan peperangan.

Selain daripada itu, ia diadakan apabila ada menerima arahan yang dianugerahkan melalui mimpi. Maka 'Gawai' ini perlu dilaksanakan bagi menyempurnakan arahan kuasa sakral tersebut. 'Petara' yang diseru itu ialah 'Senggalang Burung' (tuhan perang). Menurut Freeman (1960, 99) tuhan perang iaitu 'Senggalang Burung', dijemput untuk menghadiri upacara ritual yang berkaitan dengan pemburuan kepala.

Pada malam pertama 'Gawai', ia dimulai dengan 'Timang Ruan' atau 'nimang pun asal Gawai Kenyalang' iaitu yang bermaksud ketua penyair mantera menyairkan manteranya sepanjang malam kepada sejenis pokok khas yang akan digunakan untuk membuat burung kenyalang. Pada keesokan harinya, upacara 'mutong kenyalang' iaitu proses menebang 'pun pelai (ia sejenis nama pokok) kenyalang dijalankan. Adat menebang pokok tersebut mesti menggunakan 'piring' bagi memohon keberkatan daripada 'Petara'.

Peralatan-peralatan yang digunakan untuk menebang pokok itu adalah seperti seekor babi, seekor ayam dan sebilah parang. Seterusnya proses menebang dijalankan dengan penuh adat-istiadat ritual. Kemudian aturcara yang seterusnya ialah menukar pokok yang telah ditebang untuk dibuat burung kenyalang. Aturcara ini menggunakan sebuah 'tajau' besar dan sebilah parang atau bentuk besi yang lain. 'Tajau' digunakan sebagai ganti kepada pokok yang telah ditebang itu.

Pakar dalam kerja-kerja membuat burung kenyalang telah dijemput untuk membuat burung kenyalang bagi tujuan 'Gawai' itu. Setelah ia siap ia diletakkan di atas tanah kerana ia tidak boleh dibawa naik sembarangan ke rumah. Untuk membawa naik burung kenyalang, sekali lagi upacara 'miring' dijalankan. Apabila tiba di rumah burung kenyalang diletakkan di umbut 'tepus' iaitu sejenis tumbuhan yang boleh dimakan. Perarakan membawa burung kenyalang di rumah panjang dilakukan secara berulang-ulang bagi menandakan bahawa Burung Kenyalang telah dibawa naik ke rumah dengan penuh adat-istiadat tradisi.

Kemudian setelah selesai ia diletakkan di atas sebuah 'tajau' dan dialaskan dengan sehelai kain pua kumbu. Seterusnya kerja-kerja mengukir badan burung kenyalang dilakukan oleh orang yang mahir dan apabila ia siap ia diletakkan di hujung pelantar rumah. Motif-motif di badan burung kenyalang menunjukkan bahawa ia melambangkan keberanian seorang perwira negara di medan perang. Pengukir tersebut hendaklah diberikan pengeras seperti dua buah 'tajau' besar, sehelai kain ela untuk menudung kepala, dan sebilah parang agar pengukir tersebut tidak mudah kalah semangat dan terus sihat sepanjang hayatnya.

'Gawai Kenyalang' diteruskan untuk malam yang kedua. Penyair-penyair mantera yang terdiri daripada dua orang akan melagukan manteranya sepanjang malam. Orang-orang yang terlibat dalam kerja-kerja 'Gawai' tersebut seperti 'nudok ka pun pandong' (mendirikan asas 'Gawai'), menyikat bulu babi, penyair mantera, akan diberi pengeras seperti sebuah tempayan, sehelai kain ikat kepala dan sebilah parang.

Pada keesokan harinya, upacara menerbangkan burung kenyalang ke langit dilakukan kerana ia telah dianggap sebagai satu objek sakral. Pada malam yang ketiga 'Gawai' diteruskan lagi dan 'Gawai' ini dikenali sebagai 'Gawai Muai Lompang' iaitu upacara penghormatan terakhir kepada 'Petara'. Proses 'Gawai' ini dianggap kompleks kerana ia juga memerlukan tenaga kerja seperti 'lemambang' (penyair mantera), 'nudok tiang pandong' (orang mendirikan asas 'Gawai'), menyikat

bulu babi. Setiap seorang daripada mereka akan mendapat pengeras tiga buah 'tajau', sehelai kain ela dan sebilah parang.

Selepas jarak satu tahun, satu lagi 'Gawai' menyusul dan ia dikenali sebagai 'Gawai Mipil Tunggol' (pesta memotong tunggul pokok yang digunakan untuk membuat burung kenyalang pada 'Gawai' yang lepas). Di pesta 'Gawai Kenyalang' ini kita telah melihat bahawa 'Gawai' tersebut telah menggunakan sebanyak 21 buah 'tajau besar'. Ini membuktikan bahawa fungsi 'tajau' dalam 'Gawai Kenyalang' amat penting dan ia dikatakan jika tidak ada 'tajau' bahawa 'Gawai Kenyalang' tidak dapat dilaksanakan. Di samping itu ia menunjukkan bahawa generasi yang akan datang hendaklah memiliki beberapa buah 'tajau' (tempayan besar) jika hendak mengadakan pesta 'Gawai Kenyalang'.¹⁶

4.3.8 Gawai Menanam Benih Padi

Gawai ini diadakan untuk mendapatkan bantuan daripada 'Pulang Gana' (tuhan bumi) yang berkaitan dengan kegiatan pertanian supaya kesuburan tanah dapat dipulihkan untuk menghasilkan padi yang lumayan. 'Pulang Gana' mempunyai kuasa luar biasa di dalam aktiviti penanaman padi. Oleh sebab itu satu upacara khas seperti 'piring' perlu diberi kepada 'Pulang Gana' dalam bentuk 'Gawai'.

¹⁶ 'Gawai Kenyalang' merupakan sejenis 'Gawai' bagi meraikan kejayaan 'Bujang Berani' kerana telah berjaya memenggal banyak kepala musuh. 'Gawai' ini juga bertujuan agar wira-wira tersebut kekal memiliki semangat juang, berani dan sentiasa bertindak waras dalam kehidupan mereka dan dikurniakan dengan kesejahteraan dan kesihatan yang baik sepanjang hayat.

Biasanya 'Gawai' ini diadakan apabila hasil pertanian tidak baik. 'Gawai' ini dilaksanakan secara sederhana selama satu malam sahaja. Dalam 'Gawai' tersebut, semua peralatan pertanian seperti benih padi, batu asah, parang dan kayu penyangkut menebas, hendaklah diletakkan pada tiang khas yang dibalut dengan kain pua kumbu.

Pada malam itu, penyair mantera akan melagukan manteranya sepanjang malam itu. Atur cara 'Gawai' ini memerlukan tenaga kerja seperti penyair mantera, orang yang mendirikan asas 'Gawai' dan pakar yang menyikat bulu pada badan babi. Kemudian mereka ini diberi pengeras seperti sebuah 'tajau', tiga bilah parang dan wang sagu hati. Pengeras dalam konteks ini ialah bertujuan supaya semua orang yang terlibat itu dikurniakan kesihatan yang baik.

4.3.9 Tembikar Dan Gawai Antu

'Gawai Antu' ialah merupakan 'Gawai' yang terbesar di sesetengah tempat dalam masyarakat Iban di Sarawak. 'Gawai' itu bertujuan untuk memperingati dan sebagai tanda menghormati roh orang yang telah meninggal dunia. 'Gawai Antu' amat besar ertinya dalam masyarakat Iban (Benedict Sandin, 1972 : 1). Sekiranya 'Gawai Antu' tidak dijalankan, perkara ini boleh mencemarkan nama si mati dan boleh membuatkan hidup mereka menjadi susah di 'dunia sebayan' (dunia akhirat). Oleh hal yang demikian 'Gawai' itu amat penting dilakukan dalam budaya masyarakat Iban.

Pengkaji telah menyaksikan sendiri pesta 'Gawai Antu' yang telah diadakan di Rumah Panjang Pedanum, Betong pada 15 Disember 2001. Dalam upacara 'Gawai' tersebut, objek-objek penting yang telah digunakan adalah seperti tempayan atau dikenali sebagai 'tajau', 'Iron', 'Udat', tempayan 'Jabir', 'Manduh', 'Kebok,' kain pua kumbu, kain sarung, parang, pinggan dan mangkuk tembikar.

Namun demikian, kategori tembikar ini adalah bergantung kepada taraf si mati. Contohnya jika ia merupakan seorang 'Bujang Berani' atau juga digelar sebagai 'Raja Berani', yang pernah berjaya memperolehi lima hingga enam biji kepala manusia semasa 'ngayau' (ekspedisi perang), maka upah orang yang menganyam bakul untuknya akan memperolehi barang-barang semasa 'Gawai Antu' seperti berikut :

- 1) Sebilah parang setengah depa panjangnya
- 2) Sebuah 'tajau'
- 3) Sehelai kain pua kumbu motif 'lebur api'
- 4) Sebuah pinggan tembikar
- 5) Wang sagu hati

Kain pua kumbu mesti mempunyai motif 'lebur api' (motif garang) kerana panas 'Bujang Berani' amat bisa di 'dunia sebayan' dan kain pua kumbu digunakan untuk menutup kepalanya. Manakala 'Tajau' tersebut digunakan sebagai perisainya semasa 'Bujang Berani' melalui 'pendian air' (tepiian mandi di sungai yang

berbahaya). Untuk mengetahui dengan lebih lanjut, sila rujuk di lampiran A, gambar kain pua kumbu yang mempunyai motif 'lebur api' yang terdapat pada gambar nombor 60.

Menurut Selindong Anak Linggoh (71), penyair yang menyanyikan mantera untuk si mati akan memperolehi barang-barang seperti berikut :

- 1) Sebuah 'Kebok' tembikar.
- 2) Sehelai kain ela.
- 3) Wang RM4.00.
- 4) Sebilah parang.

Tujuan penyair diberikan pengeras atau barangan tersebut agar penyair itu sentiasa berada dalam keadaan sejahtera.

Menurut Jabah Anak Kimong (60 tahun), jika upacara 'Gawai Antu' untuk perempuan tua biasa dan orang yang menganyam bakul untuk si mati akan memperolehi pengeras seperti berikut :

- 1) Sebuah 'Kebok' tembikar mempunyai ketinggian mesti melebihi paras lutut (tempayan kecil).
- 2) Kain sarung sehelai.
- 3) Sebilah parang.
- 4) Sebuah pinggan tembikar.

- 5) Sebuah mangkuk tembikar.
- 6) Wang sagu hati tergantung kepada jenis anyaman semakin besar anyaman semakin mahal.

'Kebok' tembikar itu mesti mempunyai ketinggian melebihi paras lutut supaya orang yang menganyam itu tidak diganggu oleh roh si mati. Orang yang meminum air tapai dalam mangkuk 'jalong' (mangkuk tembikar prasejarah) semasa 'Gawai Antu' akan diberi pengeras seperti sebuah 'Kebok' tembikar, wang RM4.00 dan sebilah parang sebagai 'kering semangat' (gigit parang supaya tidak lemah semangat oleh kuasa luar biasa).

Dalam upacara semasa 'Gawai Antu', pengeras adalah sesuatu yang amat penting diberi kepada orang yang menganyam bakul, penyair mantera dan peminum air tapai. Dalam masyarakat Iban, pengeras merupakan sebagai adat tradisi turun-temurun. Ia adalah untuk mententeramkan roh orang yang telah mati dan juga supaya orang yang telah menjayakan majlis itu tidak akan diganggu oleh roh tersebut yang dikhuatiri boleh membawa bencana.

4.4 Tembikar Dan Kuasa Luar Biasa

Menurut informan Embia Anak Dabong (93 tahun), pernah berlaku satu peristiwa ganjil yang benar-benar berlaku pada abad Ke-17 Masehi di Hulu Engkari, Lubuk Antu Sri Aman, iaitu ia terjadi kepada isteri Bedali. Bedali dan isterinya

ialah penghuni rumah panjang di Hulu Engkari pada masa itu. Peristiwa ini berlaku selama tiga pagi berturut-turut ketika isteri Bedali mandi di sungai berdekatan dengan kampung mereka.

Pagi pertama rambutnya diganggu atau dihalang oleh batang buluh aur, pagi kedua pun peristiwa yang serupa telah berlaku pada dirinya. Pada pagi ketiga, peristiwa yang serupa berlaku kepada isteri Bedali, dan pada pagi tersebut Bedali terus menebang pokok buluh aur itu dan didapati dalam buluh aur itu ada sebiji telur. Telur itu dibawa balik ke rumah dan apabila sampai di rumah telur itu diletakkan di dalam sebuah 'tajau'.

Selepas dua minggu dari penemuan telur itu, didapati satu tangisan kedengaran selama tujuh hari tujuh malam. Rupanya telur yang di dalam 'tajau' itu bertukar menjadi seorang manusia. Manusia itu dinamakan Telur Aur. Dia menjelaskan bahawa dia mencari bapanya. Apabila berjumpa dengan lelaki lain, Telur Aur enggan berbapakan lelaki-lelaki yang dijumpai itu. Setelah ia berjumpa dengan Bedali barulah dia hendak dibawa mudik ke hilir sungai.

Kemudian mereka berjumpa dengan anak lelaki Bedali yang bernama Patinggi Datuk Api. Patinggi Datuk Api mengatakan bahawa dia adalah bapa kepada Telur Aur. Kemudian Telur Aur mengemukakan satu syarat. Jika Patinggi Dauk Api dapat menangkap ikan 'Emau' (emak kepada segala ikan dalam sungai) untuk Telur Aur barulah dia boleh menjadi anak Patinggi Datuk Api. Selepas itu mereka bertiga

memasang bubu Seloh (bubu besar) untuk mendapatkan 'Indu Emau' (emak kepada segala ikan yang terdapat di sungai).

Tidak lama selepas itu bubu yang mereka pasang berjaya mendapat ikan tersebut dan ikan itu diberi kepada Telur Aur. Ikan 'Emau' juga telah bertukar menjadi manusia. Beberapa tahun selepas itu, Bedali sekeluarga berpindah ke sebuah Lubuk yang dinamakan 'Lubuk Me Emau'. Semasa dalam perjalanan, mereka karam. Manusia yang berasal daripada ikan 'Emau' itu pun hilang semasa karam tersebut. Tinggallah Telur Aur bersama Bedali sekeluarga.

Bedali dan keluarganya mengambil keputusan untuk menetap dekat dengan kawasan mereka karam itu sementara menunggu manusia yang berasal daripada ikan 'Emau' itu keluar dari Lubuk tersebut. Pada tahun itu mereka berhuma dengan menanam padi bukit. Apabila musim menuai padi, Ikan Emau itu wujud semula sebagai manusia, lalu memanjat sebatang 'Pokok Jarau' (nama sebatang pokok) di tepi huma tersebut. Dalam pada itu Telur Aur pun berkata bahawa, "jika Emau masih hidup begitulah rupanya buah padi kita cantik seperti wajah Emau kesayangannya saya". Apabila mendengar pujian itu, Emau berasa amat malu dan terus terjun ke dalam sungai semula sehingga ke hari ini.

Menurut informan Embia Anak Dabong itu lagi, terdapat lapan buah 'tajau' adik-beradik. Pada waktu itu, sebuah 'tajau' telah digunakan untuk menyimpan telur

aur. Manakala tujuh buah lagi pasangannya yang lain digunakan untuk menyimpan padi dan beras.

Sehingga sekarang kelapan-lapan buah 'tajau' tersebut masih ada dalam simpanan keturunan keluarga Bedali. Sebuah 'tajau' dalam simpanan keluarga Baju Anak Nangkau, iaitu keturunan daripada keluarga Bedali. Mereka telah berpindah dari Hulu Engkari Lubok Antu ke Kampung Ibol Undop, Sri Aman pada tahun 1975 sehingga sekarang dan tujuh buah 'tajau' lagi dalam simpanan saudara-mara Baju Anak Nangkau di Batang Baleh, Ulu Kapit, Sarawak. Apa yang kita dapati melalui kenyataan ini adalah bahawa 'tajau-tajau' itu memiliki kuasa luar biasa yang telah dianugerahkan oleh 'Petara'.

'Tajau Telur Aur' itu dianggap mempunyai kuasa luar biasa dan ini kerana semasa musim ekspedisi perang, semua penghuni rumah panjang tersebut melarikan diri untuk menyelamatkan diri masing-masing. Semua harta benda mereka tinggal di rumah panjang seperti 'tajau-tajau' yang penuh diisi dengan kain pua kumbu.

'Tajau-tajau' tersebut serta kain pua kumbu telah dicuri oleh pihak musuh tetapi 'Tajau Telur Aur' itu masih kekal di rumah panjang tersebut. Masyarakat Iban mempercayai bahawa 'Tajau Telur Aur' itu ada memiliki 'Engkarabun' yang bermaksud boleh mengaburkan mata pihak musuh. 'Tajau' tersebut juga sering kedengaran menangis oleh penghuni rumah panjang pada malam hari kerana

ketakutan ditinggalkan Si pemiliknya yang sedang bersembunyi daripada dikesan oleh pihak musuh.

Selain daripada itu 'Tajau Telur Aur' juga digunakan sebagai benda sakral yang digunakan untuk bersumpah. Pada masa dahulu keturunan keluarga Bedali yang bernama Gelar telah bersumpah menggunakan 'tajau' tersebut. Ia berikutan daripada pembahagian harta pusaka antara ahli-ahli keluarga Bedali. Sebanyak lapan buah 'tajau' tersebut telah dibahagikan sama rata antara ahli-ahli keluarga yang berhak. Sesiapa yang diberi hak untuk memiliki 'Tajau Telur Aur' dikehendaki bersumpah dengan 'Tajau Telur Aur' itu.

Dalam pada itu, seorang tua bernama Gelar telah diamanahkan untuk memiliki 'tajau' tersebut dan bersumpah dengan merejam 'tajau' itu dengan sebatang lembing. Jika 'tajau' tersebut enggan dimiliki oleh Gelar, atau jika 'tajau' itu berbohong, maka ia akan pecah, tetapi jika ia tidak berbohong, maka ia tidak akan pecah. Namun, 'tajau' tersebut tidak pecah sebaliknya ia hanya berlubang kecil sahaja dan lubang itu masih kekal sehingga ke hari ini.

Menurut informan Baju Anak Nangkau, (55) 'Tajau Telur Aur' itu, hendaklah diberi makan dengan 'Piring' setiap enam bulan sekali, ini kerana 'piring' itu sebagai makanannya. Selain daripada itu, sekiranya air tapai telah kekeringan di pinggan 'piring' yang diletakkan di atas 'tajau' itu, maka air tapai perlu dituangkan pada pinggan tersebut. Pemilik 'tajau' tersebut sentiasa prihatin terhadap

keperluannya sehingga ke hari ini dan 'tajau' itu diletakkan di 'Sadau' rumah panjang tersebut agar keselamatannya lebih terjamin. Untuk mengetahui dengan lebih lanjut, sila rujuk di lampiran A, gambar 'Tajau Telur Aur' yang terdapat pada gambar nombor 9.

4.5 Tembikar Berkaitan Dengan 'Pengaroh'.

Menurut Chok Anak Rima, (90), masyarakat Iban memiliki pelbagai jenis dan kegunaan berkaitan dengan 'pengaroh'. Mereka percaya kepada kuasa luar biasa yang ada pada 'pengaroh-pengaroh' tersebut. Ini kerana 'pengaroh' itu boleh menjadikan mereka kebal semasa ekspedisi perang, mendapat hasil padi yang lumayan semasa musim menanam padi, mendapat harta kekayaan, menjadi pakar dalam tenunan dan anyaman dan sebagainya.

'Pengaroh' dalam masyarakat Iban amat berguna bagi mereka. Ia dapat digunakan untuk menyelamatkan diri daripada pihak musuh. Jika ia selalu diberi makan dengan 'Piring' maka pemiliknya akan sentiasa beroleh kekayaan dan kesejahteraan tetapi jika ia diabaikan 'pengaroh' itu boleh mendatangkan bencana iaitu dengan memakan tuannya.

Lantaran itu, masyarakat Iban menggunakan barangan tembikar yang berbentuk kecil iaitu dua sentimeter tinggi dan satu setengah sentimeter lebar untuk menyimpan 'pengaroh-pengaroh' itu agar ia sentiasa dalam keadaan selamat.

Barangan tembikar itu diperbuat di negara China. 'Pengaruh-pengaruh' yang disimpan di dalam bekas tersebut adalah seperti berikut :

1. *Ubat padi* (ubat bagi memperoleh hasil tuaian padi yang lumayan).
2. *Jayau* (ubat guna-guna).
3. *Ubat pengaruh* (benda azimat).
4. *Ubat orang indu beranak* (ubat memudahkan wanita bersalin).
5. *Ubat Sakang Seribu* (ubat seribu kegunaan).
6. *Ubat enda layu* (untuk pakar tenunan dan anyaman supaya tidak menghadapi bencana apabila membuat motif-motif seperti buaya, manusia dan haiwan yang lain).
7. *Ubat kena bejalai* (ubat sebagai perisai atau azimat kebal semasa ekspedisi perang).

Dalam konteks masyarakat Iban, ubat membawa maksud sesuatu benda yang mempunyai kuasa ajaib dan ia boleh membantu Si penggunanya. Mungkin kerana itu masyarakat Iban amat berhati-hati dan menyimpan ubat-ubat tersebut di dalam barangan tembikar. Pertama, supaya ia tidak mudah hilang. Kedua, supaya ubat itu tetap kekal mujarab dan ketiga sebagai tanda hormat Si pemilik kepada ubat-ubat tersebut.

4.6 Mimpi dan Tembikar

Konsep mimpi dalam masyarakat Iban dilihat maknanya secara tersirat. Masyarakat Iban kaya dengan pelbagai kepercayaan dalam kehidupan mereka. Ada sesetengah daripada mereka boleh berhubung dengan kuasa luar biasa melalui mimpi. Malah mereka boleh mendapatkan apa-apa sahaja hasrat dan impian yang mereka idamkan di dunia ini melalui mimpi. Kepercayaan kepada mimpi begitu mendalam di kalangan masyarakat Iban.

Dalam masyarakat Iban, alam semesta ini dibahagikan kepada alam semangat, 'alam antu', 'alam Petara' dan alam manusia. Semangat dan 'Petara' memperlihatkan diri mereka melalui bunyi-bunyi burung, binatang, dan fenomena semulajadi yang lain.¹⁷ Masyarakat Iban mempercayai bahawa melalui mimpi, manusia bergerak ke alam semangat dan mimpi itu telah menetapkan tempat pertemuan antara manusia dan semangat tersebut. Semangat berkomunikasi dengan manusia untuk memberi peringatan dan nilai pengajaran melalui burung 'omen'.

Masyarakat Iban percaya bahawa apabila manusia tidur, semangatnya akan mengembara ke alam lain, dan inilah yang menyebabkan seseorang itu bermimpi.

¹⁷ Konsep tuhan dalam masyarakat Iban dilihat secara tersirat maknanya. Apa-apa sahaja benda atau perkara yang boleh mendatangkan kebaikan, tuah dan nasib daripada kuasa luar biasa juga dianggap sebagai 'Petara'. Malah konsep 'Antu' yang mendatangkan kesejahteraan dan kekayaan dalam masyarakat Iban juga dianggap sebagai 'Petara'. Sesetengah masyarakat Iban di Sarawak, amat berat meninggalkan kepercayaan warisan mereka ini kerana ia telah sebatian dengan kehidupan mereka yang diwarisi sejak turun-temurun.

Kadang-kala kita boleh bertemu dengan saudara kita yang telah mati dan orang-orang lain (Erik Jensen, 1966 : 104).

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (1992), mimpi ialah sesuatu yang terlihat atau dialami dalam tidur atau terkenang-kenangkan dan mengharap-harapkan sesuatu. Bagi masyarakat Iban, mimpi ialah sesuatu perkara yang mesti dipatuhi arahnya. Sekiranya tidak, seseorang itu akan menerima malapetaka. Oleh hal yang demikian masyarakat Iban amat berpegang teguh terhadap sebarang mimpi yang mereka alami. Ini kerana banyak perkara buruk yang telah berlaku di kalangan masyarakat Iban disebabkan mereka tidak mempercayai kepada sesuatu mimpi itu.

Contohnya, menurut informan Chok Anak Rima (90), pada tahun 2000 yang lepas, seorang lelaki yang bernama Anyan, tinggal di Marup Engkilili, Sri Aman pernah bermimpi melihat orang terlalu ramai berkunjung ke rumah mereka dan seorang pun tidak dikenalnya. Selepas bermimpi itu, Anyan mengajak keluarganya untuk mengadakan upacara 'miring' tetapi keluarganya tidak bersetuju dengan cadangannya itu.

Satu minggu kemudian, mereka sekeluarga pergi ke bandar Sri Aman untuk tujuan makan malam. Dalam perjalanan tersebut kereta mereka telah terlibat dalam satu kecelakaan jalan raya. Empat orang ahli keluarga itu maut semasa kecelakaan tersebut. Masyarakat Iban mempercayai bahawa jika mimpi itu disemah dengan upacara 'miring' nescaya tiada bencana yang menimpa keluarga tersebut.

Masyarakat Iban masih mempercayai mimpi yang mereka alami sehingga sekarang. Malah ada sesetengah pendapat mengatakan bahawa pelanggaran mimpi tidak boleh dipujuk hanya dengan bersembahyang semata-mata. Ini menunjukkan betapa percaya dan mujarabnya mimpi itu dalam masyarakat Iban.

Masyarakat Iban mempercayai bahawa tuhan dan semangat yang mereka percayai ini dikatakan dapat berhubung dengan manusia melalui mimpi, binatang-binatang tertentu dan juga burung. Agen-agen ini akan menyampaikan sesuatu petanda, sama ada petanda baik atau petanda buruk kepada seseorang individu dan orang berkenaan diharap dapat bertindak mengikut apa yang disampaikan melalui petanda itu.

Menurut informan Simpai Anak Dabong (95), mimpi baik atau mimpi buruk yang mereka perolehi mesti dipatuhi arahannya. Ini kerana semua petanda dalam mimpi itu memberi pengertian yang begitu jelas kepada orang yang bermimpi tentang segala apa yang perlu dilakukan. Dalam masyarakat Iban, arahan dalam mimpi tidak boleh disangkal. Orang yang berani melawan arahan dalam mimpi boleh mengundang maut.

Menurut informan Manin Anak Matong (73), pada suatu ketika dahulu penduduk-penduduk kawasan Simanggang pernah dilanda musim tengkujuh apabila musim membakar ladang huma tiba. Pada tahun tersebut ladang-ladang padi bukit tidak dapat dibakar dan sudah pasti 'padi pun' tidak dapat ditanam. Oleh itu semua

penduduk di kawasan tersebut mengalami kebuluran kerana kehabisan beras sebagai makanan utama mereka.

Menurutnya lagi, seorang perempuan tua bernama Jelembai telah bermimpi. Dalam mimpi tersebut, Jelembai telah diarahkan oleh kuasa luar biasa supaya mengadakan upacara 'miring'¹⁸ untuk setiap pintu bilik di rumah panjang Entawa Undop yang ada sekarang ini. Tujuan 'miring' itu ialah supaya seluruh penduduk kampung tersebut memperolehi hasil tuaian padi yang lumayan. Lazimnya, jika masyarakat Iban mengadakan upacara 'miring', mereka menggunakan pinggan tembikar prasejarah kerana dengan berbuat demikian dipercayai sesuatu yang dipohon itu dapat terlaksana dengan lebih mudah.

Malangnya, si Jelambai enggan untuk berbuat demikian kerana dia tidak sanggup dituduh berbohong oleh penduduk-penduduk kampung. Beberapa bulan kemudian, Jelembai jatuh sakit. Pesta 'Gawai' telah diadakan yang bertujuan bagi menyemah arahan dalam mimpinya itu. Semua upacara ritual untuk meminta maaf kepada kuasa luar biasa itu tidak berjaya. Akhirnya, Jelembai meninggal dunia akibat menentang arahan dalam mimpinya itu. Oleh itu, masyarakat Iban amat percaya kepada mimpi mereka.

¹⁸ Dalam masyarakat Iban, sesuatu upacara 'miring' yang hendak diadakan mestilah memenuhi segala syarat yang telah ditetapkan oleh pakar ritual. Jika sesuatu upacara 'miring' itu tidak memenuhi segala syarat tersebut, boleh jadi orang yang menjalankan upacara itu boleh meninggal dunia pada ketika itu.

4.6.1 Mimpi Dan Tembikar Guchi

Menurut informan Anna Durin (46), satu peristiwa ganjil pernah dialami oleh seorang lelaki yang bernama Sang Anak Changgan ketika dia dalam perjalanan pulang dari Rumah Nanga Kraji, Betong. Pada tengah hari itu cuaca hujan panas. Semasa dalam perjalanan tersebut, Sang telah menjumpai sebuah tembikar 'Guchi' yang berwarna putih. Dia terus berjalan, namun demikian dia berasa tidak sedap hati dan kemudian berpatah balik untuk mengambil tembikar 'Guchi' tersebut dan dibawanya balik ke rumah.

Pada malam itu Sang telah bermimpi. Dalam mimpinya, dia telah bertemu dengan Bongsu Buaya. Bongsu Buaya telah memberi Sang sebuah tembikar 'Guchi' dan sebuah lagi dimiliki oleh Bongsu buaya tersebut. Dalam mimpi itu Bongsu Buaya memberitahu Sang, bahawa tembikar 'Guchi' itu adalah sebagai tanda Bongsu Buaya mengaku Sang dan keturunannya sebagai adik-beradik. Tembikar 'Guchi' itu juga sebagai lambang perdamaian antara Bongsu Buaya dan Sang serta keturunannya.

4.6.2 Mimpi Dan Tembikar Prasejarah

Menurut informan Bingak Anak Igang (81), 'Tajau Lama Pusaka' atau Tembikar prasejarah pusaka yang dimiliki oleh Tutut Anak Dana telah diwarisi daripada keluarga Dawal yang berasal dari kampung Nanga Klassen, Undop Sri

Aman. Sebenarnya terdapat dua jenis tembikar prasejarah dalam keluarga itu. Apabila Dawal berkahwin dengan Jinot di kampung Entawa Undop, Dawal telah dihadihkan dengan sebuah daripada tembikar sejarah tersebut. Tembikar yang dibawa oleh Dawal sering kedengaran seperti seorang perempuan sedang menangis pada waktu siang oleh ahli keluarganya dan juga oleh jiran-jiran mereka.

Menurut informan Tutut Anak Dana (78), pada sebelah malamnya, ahli keluarganya pernah bermimpi tentang tembikar prasejarah itu, bahawa dua buah tembikar itu terdiri daripada sepasang suami isteri yang terpisah atau bercerai oleh perbuatan pemilik tembikar tersebut. Dalam mimpi itu tembikar tersebut memberitahu ia menangis kerana enggan bercerai dengan suaminya yang berada di Nanga Klassen.

Dalam mimpi, ia kelihatan seperti seorang bidadari, berambut panjang mengurai dan didapati menangis di hadapan pintu dapur. Kemudian, beberapa orang ahli keluarganya datang untuk memujuk agar orang itu berhenti menangis. Dalam mimpi tersebut, tembikar prasejarah itu menjelaskan bahawa ia sering kedengaran menangis kerana ia enggan bercerai dengan suaminya. Kemudian, perempuan itu tiba-tiba bertukar menjadi sebuah tembikar dan berada di tempat asalnya di ruang tamu.

Di penghujung mimpi tersebut, barulah pemilik tembikar sejarah itu menyadari bahawa orang yang kedengaran menangis saban hari itu rupa-rupanya ialah sebuah tembikar prasejarah yang mereka miliki itu.

Menurut Tutut lagi, tali yang digunakan untuk mengikat telinga tembikar prasejarah itu di dinding ruang tamu tersebut boleh digunakan sebagai penyelamat ketika berada jauh di rantau orang. Dijelaskan lagi bahawa walau bagaimanapun teruk seseorang itu sakit di rantau orang, seseorang itu tidak akan meninggal di rantau orang dan orang itu akan selamat kembali ke kampungnya.

Pada tahun 1977, Tutut Anak Dana memindahkan 'Tajau Lama' tersebut dari tempat asalnya di 'Sadau' dan hendak diletakkan di ruang tamu rumah mereka dengan tanpa mengadakan upacara 'miring'. Semasa Tutut membawa 'Tajau Lama' itu turun dari 'Sadau', dia telah tergelincir di tangga 'Sadau' dan tembikar prasejarah atau lebih dikenali dengan 'Tajau Lama' telah menghempap kepala Tutut dan dia terus pengsan.

'Tajau Lama' itu pecah dan Tutut jatuh sakit berpanjangan. Penghuni rumah panjang tersebut percaya bahawa 'Tajau Lama' itu memarahi Tutut kerana ia dipindahkan daripada tempat asalnya tanpa mengadakan upacara ritual seperti upacara 'miring'. Lantaran itu, jika masyarakat Iban hendak memindahkan sesuatu 'Tajau Lama', ia wajib disertai dengan upacara 'miring' bagi mengelakkan sesuatu bencana.

Menurut informan Jabah Anak Kimong (60), pernah berlaku satu peristiwa yang amat menyayat hati tentang sebuah 'tajau' tembikar purba. Peristiwa tersebut berlaku pada tahun 1996, apabila seorang lelaki tua yang bernama Beratong membeli sebuah tembikar dari pekan Betong. Tembikar purba itu dibelinya dengan harga RM600.00 (enam ratus) daripada seorang perniaga di pekan Betong. Selepas satu minggu tembikar purba itu dibelinya, Beratong pun terus meninggal dunia tanpa sakit.

Selepas kematian Beratong, salah seorang daripada anaknya bermimpi tentang tembikar purba tersebut. Daripada mimpi itu, dinyatakan bahawa kematian ayahnya adalah disebabkan oleh tembikar purba tersebut. Tembikar itu telah menjadi hantu yang membunuh ayahnya. Tembikar itu juga menjelaskan bahawa ia menjadi Hantu Raya, Hantu papa kedana dan boleh menjadikan seseorang manusia itu menjadi gila.

'Tajau' itu mempunyai telinga dan salah satu daripada telinganya telah tanggal. 'Antu tajau' itu sedang kelaparan dan oleh itu, ia memakan manusia sebagai habuannya. Selepas itu, tembikar purba tersebut dihantar semula kepada perniaga yang menjualnya di pekan Betong yang ada sekarang.

Menurut informan Lata Anak Matong (75), objek tembikar menyerupai bentuk gajah pernah dijumpai di ladang. Kemudian pemilik itu dianugerahkan

4.6.3 Tembikar Dan 'Pengaruh Tanduk Kijang'

Menurut informan Bayan Anak Akon (55), semasa musim menuai padi bukit dalam tahun 2002 yang lalu, Ara Anak Chuking telah menjumpai tanduk kijang (pengaruh) di huma Aning Anak Enden.. Telah menjadi tradisi masyarakat Iban, apa-apa sahaja kegiatan sepanjang musim menanam padi, kerja-kerja tersebut akan dilakukan secara 'bedurok'.

Tanduk kijang itu diambil oleh Aning Anak Enden dan dibawanya balik ke rumah. Sebelum itu, Aning mengatakan bahawa sesiapa yang ada dianugerahkan dengan mimpi berkaitan dengan kegunaan tanduk kijang itu boleh menuntut tanduk kijang tersebut daripada beliau.

Setelah beberapa minggu penemuan tanduk kijang itu, Ara Anak Chuking telah dianugerahkan mimpi oleh kuasa luar biasa berkaitan dengan kegunaan tanduk kijang tersebut. Dalam mimpi itu, Ara telah berjumpa dengan seorang perempuan tua yang telah bongkok belakangnya.

Perempuan tua itu menjelaskan bahawa Ara hendaklah mengambil tanduk kijang itu. Perempuan tua tersebut juga berpesan bahawa, 'Jangan bawa tanduk kijang itu dengan menggunakan tangan, bawalah ia dengan menggunakan pinggan tembikar prasejarah'. Berdasarkan pesanan tersebut, Ara mengajak 'Tuai Rumah' Batang Anak Ambon untuk sama-sama pergi mengambil tanduk kijang itu dan

membawanya balik dengan pinggan tembikar prasejarah seperti yang telah diamanatkan dalam mimpinya itu.

Tanduk kijang itu digunakan untuk mendapat hasil tuaian padi yang lumayan bagi keluarga Ara Anak Chuking dan diperturunkan kepada beberapa keturunannya yang akan datang. Tanduk kijang tersebut hendaklah diletakkan di dalam pinggan tembikar prasejarah atau dikenali sebagai 'Pinggai Tuai' dan disimpam di dalam 'tibang' padi. Untuk mengetahui dengan lebih lanjut, sila rujuk di lampiran A, gambar 'Pinggai Tuai' yang telah digunakan untuk membawa balik tanduk kijang itu dan gambar tersebut terdapat pada gambar nombor 12.

Menurut Bayan lagi, 'Gawai Pengaroh'¹⁹ itu akan diadakan pada bulan Jun 2004 bersempena dengan Perayaan 'Gawai Dayak'. Tujuan 'Gawai' itu adalah untuk memberkati 'pengaroh' itu agar ia kekal mujarab digunakan sepanjang zaman. Ketua 'lembambang' 'Gawai' tersebut ialah Sambau Anak Sungging dan dibantu oleh Aming Anak Rego, Gutak Anak Embing dan Chapik Anak Dana.

Dalam tradisi masyarakat Iban, upacara 'miring' Tanduk kijang itu hendaklah menggunakan pinggan tembikar prasejarah dan mana-mana bentuk pinggan lain adalah dilarang sama sekali digunakan kerana ia memberi imej yang kurang baik kepada tuhan mereka.

¹⁹ Tujuan 'Gawai Pengaroh' diadakan agar tanduk kijang itu menjadi lebih berkat dan mujarab apabila ia digunakan. Tambahan pula tanduk kijang yang dianugerahkan melalui mimpi hendaklah diberi makan dengan 'piring' dan 'digenselan' dengan seekor babi. Ia bertujuan agar Si pemiliknya sentiasa diberkati 'Petara' selamanya.

'Pinggai Tuai' (pinggan tembikar prasejarah) amat penting dalam masyarakat Iban kerana ia mempunyai martabat yang tinggi dan lantaran itu apa-apa upacara berkaitan dengan ritual hendaklah menggunakan pinggan tersebut. Dalam pada itu, masyarakat Iban percaya kepada pinggan tembikar prasejarah, kerana ia telah menjalani beberapa upacara ritual seperti digunakan dalam upacara 'miring' dan oleh itu pinggan tersebut mempunyai kuasa luar biasa yang boleh membantu masyarakat Iban dalam kehidupan mereka.

4.6.4 Tembikar Yang Diperturunkan Melalui Mimpi

Menurut informan Rintut Anak Uda (69), beliau pernah dianugerahkan dengan mimpi pada 6 September 2002. Mimpi itu telah mengarahkan Rintut Anak Uda agar mengambil sebuah tempayan 'Kebok' atau lebih dikenali dengan 'Mungkul' di huma padi bukit di Sungai Sikup, Entawa Undop Sri Aman. Seperti yang diarahkan dalam mimpi tersebut, pada keesokan harinya Rintut pergi ke ladang untuk tujuan itu.

Apabila tiba di huma, Rintut mencari tempayan 'Kebok' seperti yang dilihat dalam mimpinya itu. Setelah mencari beberapa ketika, beliau terus menjumpai tempayan itu dan dibawanya balik ke rumah. Tempayan yang dijumpainya itu adalah serupa dengan tempayan 'Kebok' yang dilihatnya dalam mimpi itu. Ia kelihatan bersih dan berkeadaan baik.

Setelah seminggu tempayan itu berada di rumahnya, Rintut Anak Uda mengadakan satu upacara 'miring' secara besar-besaran. Tujuan 'miring' itu adalah untuk memberi makan kepada tuhan yang telah memberi tempayan 'pengaruh' yang mempunyai kuasa luar biasa kepada Rintut serta keturunannya. Telah dijelaskan dalam mimpinya itu, bahawa tempayan 'Kebok' tersebut akan membantu keturunan Rintut iaitu, selama selagi keturunannya masih ada di dunia ini.

Kegunaan tempayan itu adalah agar Rintut dan keturunannya mendapat hasil tuaian padi yang lumayan pada setiap tahun, walaupun hanya berhuma dengan keluasan yang kecil sahaja dan perkara ini adalah merupakan sumpahan tempayan 'Kebok' itu terhadap Rintut. Tempayan itu telah diletakkan di dalam 'Tibang Padi' kerana ia adalah untuk tujuan memperolehi padi. Untuk keterangan dengan lebih lanjut, sila rujuk di lampiran A, gambar 'Kebok' yang telah diperturunkan dengan kuasa luar biasa yang terdapat pada gambar nombor 46.

4.7 'Tajau Lama' Dengan Tangisannya

Menurut informan Duka Anak Nyaring (86), semasa beliau melahirkan anak sulungnya pada tahun 1958, anaknya tidak dapat dilahirkan secara normal. Pada waktu itu, ada seorang bidan yang bertauliah bernama Sunti iaitu isteri kepada Randau telah dipanggil untuk membidankan Duka pada ketika itu tetapi Sunti telah mengemukakan satu syarat iaitu dia telah meminta sebuah 'Tajau Lama' sebagai satu ganjaran. Kebetulan, Duka Anak Nyaring mempunyai dua buah 'Tajau Lama'.

Berpegang kepada janji tersebut, Duka Anak Nyaring telah memberi sebuah 'Tajau Lama' kepada Sunti kerana telah menyelamatkan dia dan anak yang dilahirkan itu. Walau bagaimanapun, beberapa hari kemudian 'Tajau Lama' yang satu lagi sering kedengaran menangis kerana enggan berpisah dengan suaminya (dengan 'Tajau Lama' yang telah diberikan kepada Sunti) dan perkara tersebut telah dijelaskan oleh 'Tajau lama' melalui mimpi. Ternyata bahawa 'Tajau Lama' itu mempunyai kuasa luar biasa. Untuk mengetahui dengan lebih lanjut, sila rujuk di lampiran A, gambar 'Tajau Lama Perempuan' yang selalu kedengaran menangis yang terdapat pada gambar nombor 13.

Daripada peristiwa tersebut adalah jelas bahawa 'Tajau Lama' bukan setakat sebagai harta pusaka yang bernilai tinggi, malah 'Tajau Lama' juga dipercayai mempunyai kuasa luar biasa yang dapat menjadi penyelamat kepada nyawa manusia. 'Tajau-tajau Lama' tersebut tidak boleh dialihkan daripada tempat asalnya kerana ia dikhuatiri boleh memarahi tuannya. Jika hendak berbuat demikian, satu upacara 'miring' hendaklah diadakan bagi menghormati 'Tajau Lama' itu.

4.8 'Tajau Lama Pesaka Tuai' (Tempayan Prasejarah Sebagai Barangan Pusaka)

'Tajau Lama' merupakan barangan tembikar yang mempunyai martabat yang amat tinggi dalam masyarakat Iban dan sehinggakan ia disamakan dengan ketinggian martabat seseorang manusia itu. Ia bukan sahaja dianggap sebagai benda yang

memiliki kuasa luar biasa yang boleh membantu dalam pelbagai bentuk kehidupan kepada Si pemilikinya, malah ia juga sebagai satu benda yang amat bernilai tinggi dan sehingga 'Tajau Lama' digambarkan dalam senikata lagu masyarakat Iban yang berjudul : Apek, (2003), dan lagu itu dinyanyikan oleh dua orang penyanyi Iban iaitu Johnny Aman dan Angela Lata Jua. Antara senikata lagunya adalah seperti berikut :

Sikalang saya macam tajau lama ha. (Sekarang saya seperti tempayan purba)

Pesaka tuai lagi ulih nguna ah (Pusaka sejarah mempunyai martabat amat tinggi)

Ia membawa maksud bahawa semakin tua seseorang manusia itu, maka semakin penting peranannya dan pengalamannya dalam masyarakat Iban. Begitu juga halnya dengan 'Tajau Lama', dan semakin lama 'tajau' itu disimpan, maka semakin tinggi nilainya serta diberi satu martabat yang amat tinggi kedudukannya dalam masyarakat Iban. 'Tajau Lama' telah diiktiraf oleh masyarakat Iban sebagai satu khazanah budaya yang tidak ternilai harganya.

Penggunaan tembikar berdasarkan fungsi ritualnya boleh diringkaskan seperti tabel berikut :

| Bil | Jenis Tembikar | Jenis Ritual |
|------------|--------------------------------|-------------------------------|
| 1 | Udat, Iron, Jabir, Tajau | Pelian Tiang Pencha |
| 2 | Pinggan Tembikar | Pelian Kukut Batu |
| 3 | Kebok | Pelian Pencha Iring |
| 4 | Tajau | Beterayu |
| 5 | Tajau | Gawai Tajau |
| 6 | Tajau | Gawai Kenyalang |
| 7 | Tajau | Gawai Menanam Benih Padi |
| 8 | Pinggan, Mangkuk, Kebok, Tajau | Gawai Antu |
| 9 | Tajau Telur Aur | Ghaib Semasa Ekspedisi Perang |
| 10 | Tajau Lama | Mimpi |
| 11 | Tajau Lama | Azimat Kebal |
| 12 | Tajau Lama | 'Pesaka Tuai' |
| 13 | Tajau Lama | Memudahkan Wanita Bersalin |
| 14 | Kebok | Untuk Memperolehi Padi |
| 15 | Pinggan Tembikar | 'Pengaruh' |

Kesimpulannya, barangan tembikar mempunyai kepelbagaian fungsi dan dipercayai memiliki kuasa luar biasa. Penggunaannya tidak hanya terbatas kepada kegunaan seharian sahaja, seperti untuk menyimpan padi, beras, air tapai, perkasam, tempoyak, harta pusaka, barang-barang yang lain, malah ia digunakan dengan secara meluas dan sebagai satu objek yang wajib digunakan dalam sesuatu majlis atau upacara yang berkaitan dengan ritual kepercayaan dan ritual keagamaan dalam masyarakat Iban.

Masyarakat Iban mengadakan upacara ritual yang bertujuan untuk berkomunikasi dengan 'Petara' mereka melalui tembikar yang berfungsi sebagai alat perantaraan. Mereka membuat persemahan dengan seekor babi atau ayam bagi memujuk kuasa luar biasa itu. 'Genselan' (persemahan) itu amat penting dalam satu-satu upacara 'miring' iaitu memberi makan kepada 'Petara'. Jika upacara 'miring' tidak dilakukan maka ada petanda-petanda malang yang disampaikan oleh 'Petara' (tuhan) itu melalui mimpi.

Masyarakat Iban percaya bahawa 'Petara' itu terdapat pada tembikar seperti 'tajau', oleh sebab itu ia perlu disembah, dipuja dengan 'piring' melalui pesta-pesta 'Gawai', contohnya seperti 'Gawai Tajau' yang telah dijelaskan sebelum ini. 'Petara' memperturunkan kuasa luar biasanya melalui objek tembikar untuk berkomunikasi dengan Si pemilik objek itu. Proses komunikasi itu dilakukan melalui pesta atau upacara yang disebut sebagai 'miring', yang bermaksud memberi makan kepada tuhan.

'Tajau-tajau' yang terdapat dalam masyarakat Iban telah mereka simpan beratus-ratus tahun lamanya. Tambahan pula, orang Iban sentiasa dibantu dan dipelihara keharmonian di dunia ini oleh 'Petara' mereka dan kehidupan orang Iban sentiasa berkait rapat dengan 'Tajau-tajau' tersebut khasnya dalam upacara 'Gawai'. Akhirnya, 'Tajau-tajau' yang disimpan orang Iban itu telah diperturunkan dengan kuasa luar biasa yang dapat membantu di dalam pelbagai aspek kehidupan, khasnya dalam aktiviti pertanian dan ekspedisi pemburuan kepala.

Seterusnya, menerusi bab yang berikut ini iaitu Bab Lima, pengkaji akan menganalisis dan membuat huraian yang terperinci mengenai tembikar dalam budaya masyarakat Iban dari perspektif hukum adat.